



Ahli Kumpulan **DRB-HICOM**

3 November 2025

**Kenyataan Media**

*Untuk Siaran Segera*

## **PUSPAKOM Galak Budaya Keselamatan Kenderaan Di Karnival Jom Heboh 2025**

*#TuuuDiaaPUSPAKOM bawa demonstrasi pemeriksaan bergerak, aktiviti keluarga dan hadiah bernilai lebih RM20,000.*

**BATU KAWAN, 3 NOVEMBER 2025** – PUSPAKOM kembali menyertai *Karnival Jom Heboh 2025* buat tahun kedua berturut-turut, kali ini di Stadium Negeri Pulau Pinang, Batu Kawan dari **7 hingga 9 November 2025**, membawakan pengalaman *#TuuuDiaaPUSPAKOM* yang interaktif, menyeronokkan dan bermanfaat kepada semua lapisan masyarakat.

**Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM, Mahmood Razak Bahman**, berkata penyertaan kali ini bertujuan memperkukuh hubungan dengan orang ramai serta memupuk kesedaran tentang kepentingan keselamatan kenderaan melalui penyelenggaraan yang baik. Menurut beliau, langkah itu penting agar setiap keluarga dapat menikmati saat-saat berharga tanpa kebimbangan di jalan raya.

“Karnival Jom Heboh menghimpunkan ribuan pengunjung setiap tahun, dan ia platform terbaik untuk kami berinteraksi dengan pemilik kenderaan serta menunjukkan betapa mudah dan pentingnya pemeriksaan sukarela,” katanya.

“Pemeriksaan kenderaan bukan suatu beban atau sekadar pematuhan undang-undang. Sebaliknya, kita patut membudayakan ia sebagai tanda kasih sayang dan tanggungjawab untuk melindungi keluarga,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Untuk menjadikannya lebih menarik, kali ini PUSPAKOM akan menawarkan pelbagai **perkhidmatan pemeriksaan kenderaan berdekatan reruainya di Karnival Jom Heboh**, termasuk:

- **Pemeriksaan Sukarela (Voluntary Vehicle Inspection, VVI)** yang dapat mengesan potensi masalah keselamatan kenderaan lebih awal;

- **Pemeriksaan Khas (Special Inspection: MV15 dan B2)** bagi kenderaan yang mempunyai cukai jalan luput lebih 3 tahun; dan
- **Pemeriksaan Sewa Beli (B7)** untuk urusan pertukaran pemilikan kenderaan.

Selain itu, terdapat juga **kaunter pembaharuan insurans** di reruai PUSPAKOM melalui kerjasama dengan rakan strategik **The Pacific Insurance Berhad, Zurich General Takaful Malaysia Berhad** dan **Zurich General Insurance Malaysia Berhad**, bagi memudahkan pengunjung memperbaharui insurans mereka.

Di kawasan **Perkhidmatan Trak Bergerak (Mobile Truck Service atau MTS)** pula, pengunjung boleh menyaksikan demonstrasi pemeriksaan sebenar oleh pemeriksa kenderaan bertauliah.

Reruai PUSPAKOM turut menampilkan **demonstrasi MyPUSPAKOM**, di mana orang ramai dapat belajar cara membuat tempahan pemeriksaan serta menjejak status secara dalam talian.

Selain pameran dan demonstrasi, pengunjung boleh menyertai pelbagai aktiviti menarik di reruai PUSPAKOM seperti *Hit The Can*, *Giant Plinko*, *Guess the Wheels*, dan *Maze Driver*. Setiap aktiviti membawa mesej berkaitan keselamatan, integriti dan tanggungjawab sebagai pengguna jalan raya.

Setiap pengunjung akan menerima **Kad Cabaran Checkpoint** untuk menyertai pelbagai aktiviti menyeronokkan di setiap *checkpoint*. Peserta yang melengkapkan semua cop berpeluang menebus hadiah-hadiah cabutan bertuah bernilai lebih RM20,000.

Selain itu, pelanggan yang hadir untuk pemeriksaan kenderaan turut berpeluang memenangi Hadiah Utama, sebuah skuter Modenas ELIT 150S! **Antara hadiah lain yang boleh dimenangi termasuk skuter elektrik kamera digital kompak dan konsol permainan Nintendo Switch.**



Ahli Kumpulan **DRB-HICOM**

Mahmood berkata penyertaan PUSPAKOM tahun ini menzahirkan komitmen syarikat terhadap nilai integriti dan keselamatan yang menjadi teras perkhidmatan pemeriksaan kenderaan.

“Saya ingin menggalakkan semua pemilik kenderaan untuk menanamkan kesedaran tentang keselamatan kenderaan dalam kalangan ahli keluarga, contohnya saling mengingatkan untuk memeriksa kenderaan sebelum perjalanan jauh,” katanya.

“Apabila keselamatan dijadikan budaya, jalan raya kita akan menjadi lebih selamat untuk semua,” tambahnya.

Karnival Jom Heboh 2025 akan diadakan dari **9 pagi hingga 9 malam setiap hari**, bermula **7 hingga 9 November 2025**, di **Stadium Negeri Pulau Pinang, Batu Kawan**. Untuk maklumat lanjut, ikuti **@puspakomofficial** di Facebook, Instagram dan TikTok.

**- TAMAT -**



Ahli Kumpulan **DRB-HICOM**

**Untuk maklumat lanjut sila hubungi:**

Siti Khairuddin  
Ketua Komunikasi Pemasaran &  
Pembangunan Perniagaan  
PUSPAKOM Sdn Bhd  
Tel: 03-2052 7769 H/P: 012 – 382 8550

Nik Haizan Nik Zambri  
Pengurus, Komunikasi Pemasaran &  
Pembangunan Perniagaan  
PUSPAKOM Sdn Bhd  
Tel: 03 - 2052 7547 H/P: 012 - 262 0114

### **MENGENAI PUSPAKOM**

*Selepas 30 tahun konsesi, dan dengan liberalisasi industri, PUSPAKOM kini merupakan pemegang lesen pemeriksaan kenderaan pertama Malaysia.*

*Peranan utama kami adalah melakukan pemeriksaan kenderaan untuk membantu pemilik kenderaan memastikan kenderaan mereka berada dalam kondisi yang selamat digunakan dan mematuhi peraturan alam sekitar melalui ujian pelepasan asap. Ini dicapai melalui pemeriksaan yang teliti dan menyeluruh untuk memastikan pematuhan kepada peraturan keselamatan kerajaan.*

*Kami mempunyai rangkaian **53 pusat pemeriksaan** di seluruh negara yang dilengkapi dengan peralatan yang diiktiraf dan dikalibrasi. Selain itu, kami mempunyai **30 tapak lawatan** yang menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan di kawasan kurang penduduk dan kawasan terpencil.*

*Kami turut menawarkan **Perkhidmatan Pemeriksaan Bergerak** bagi kemudahan pelanggan yang tidak dapat hadir ke cawangan. Perkhidmatan ini melibatkan:*

- **Trak Bergerak** – Untuk syarikat yang mempunyai banyak kenderaan seperti pengendali kenderaan perdagangan, syarikat penghantaran, sekolah memandu, dan pengedar. Antara pemeriksaan yang ditawarkan termasuk **Pemeriksaan Awalan, Berkala, dan Sewa Beli (B7)**.
- **Van Bergerak** – Untuk pemilik kenderaan persendirian bagi urusan seperti **pertukaran hak milik, pembaharuan cukai jalan, dan pendaftaran kenderaan import**.

*Pelanggan boleh membuat tempahan Perkhidmatan Bergerak melalui [www.mypuspakom.com.my](http://www.mypuspakom.com.my), manakala tempahan secara pukal boleh dibuat dengan menghubungi [marketing@puspakom.com.my](mailto:marketing@puspakom.com.my).*

*Dengan **10 Trak Bergerak, 36 Van Bergerak dan 4 Unit Ringan**, kami komited untuk memberikan perkhidmatan pemeriksaan yang pantas, cekap dan profesional – terus ke lokasi pelanggan.*